

# Peliharah tujuan asal KWSP

u.m 04/01/08 M/S 11

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
(WARTAWAN UTUSAN)

## Ambillah peluang yang ditawarkan oleh kerajaan ini untuk meningkatkan kualiti kehidupan termasuk melunaskan hutang-hutang wajib

**D**i sebalik kebimbangan orang ramai terhadap spekulasi kenaikan harga minyak dalam masa terdekat selain kenaikan pasti lapan tol lebuh raya, masih ada nafas kelegaan yang boleh dinikmati sepanjang tahun 2008 ini.

Antaranya mekanisme baru Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membenarkan orang ramai mengeluarkan wang caruman untuk membayar pinjaman perumahan secara bulanan.

Mekanisme ini diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sewaktu membentangkan Belanjaan 2008, September tahun lalu.

Secara asasnya, mekanisme ini tidak banyak berbeza dengan kaedah pengeluaran caruman untuk bayaran pinjaman perumahan setiap hujung tahun seperti yang sedia ada.

Cuma kali ini, pencarum tidak perlu menunggu sehingga hujung tahun untuk mengurangkan baki pinjaman perumahan sebaliknya boleh berbuat demikian setiap bulan menerusi caruman Akaun 2 KWSP mereka.

Secara pemahaman mudah, mekanisme baru ini membolehkan pencarum mengeluarkan paling minimum RM100 atau jumlah yang tidak melebihi bayaran ansuran bulanan mereka untuk membuat bayaran balik.

Pencarum bagaimanapun perlu mempunyai baki minimum sekurang-kurangnya RM600 dalam Akaun 2 dan bayaran itu pula akan dikredit secara terus kepada bank yang memberikan pinjaman kepada pencarum.

Pastinya mekanisme baru ini mendapat

reaksi yang pelbagai daripada kira-kira 5.5 juta pencarum aktif KWSP dan pelbagai pihak lain.

Namun nada suara yang bersetuju lebih jelas kedengaran kali ini barangkali melihat kepada betapa mekanisme baru ini mampu untuk sekurang-kurangnya mengurangkan beban kewangan bulanan orang ramai.

Apatah lagi kos pemilikan rumah saban tahun semakin meningkat dan secara pasti lebih tinggi tahun ini kesan daripada kenaikan harga simen sehingga 10 peratus seperti yang diumumkan tahun lalu.

Ditambah dengan pelbagai asakan peningkatan kos sara hidup lain antaranya perkhidmatan awam dan swasta serta harga sesetengah barangan keperluan, apa lagi pilihan yang ada kepada pengguna untuk berjimat dalam ruang kehidupan yang sangat mendesak ini?

Seperti kata Pengarah Eksekutif Urusniaga Jupiter Securities Sdn. Bhd., Nazarry Rosli, mekanisme baru ini memberi peluang kepada pencarum memilih untuk menguruskan sumber kewangan yang disimpan mereka kepada satu bentuk pelaburan masa depan yang lebih terjamin.

Pencarum juga katanya tidak harus bimbang dengan pilihan pelaburan itu sebaliknya perlu merebut peluang yang ditawarkan yang dilihat mampu memberikan keuntungan dalam jangka masa panjang.

"Mekanisme ini juga secara tidak langsung membantu pertumbuhan sektor hartanah apabila orang ramai mula yakin de-

ngan kemampuan kredit mereka yang turut disokong oleh mekanisme baru ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Melihat daripada perspektif yang lebih luas dan jangka masa panjang, mekanisme ini sebenarnya membuka peluang kepada golongan muda untuk memiliki rumah pada usia yang lebih awal.

Golongan ini sebelum ini biarpun mempunyai kerjaya yang baik, namun tidak berani menghadapi risiko menambah beban kewangan bulanan yang tinggi daripada sekian banyak perbelanjaan lain yang perlu diutamakan.

### Musibah

Membeli rumah sewaktu sedang mencari tapak dalam kerjaya juga ibarat sengaja menempah musibah menyebabkan ada yang perlu menunggu paling awal sehingga lima tahun sebelum benar-benar yakin untuk berbuat demikian.

Apatah lagi bagi mereka yang bekerja di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur yang nilai hartanahnya sangat mahal, impian memiliki rumah hanya tinggal angan-angan.

Lalu apabila KWSP tampil dengan mekanisme baru seperti ini, ia membuka peluang kepada golongan muda untuk memulakan perubahan baru dalam hidup yang pastinya sangat positif untuk masa depan mereka.

Peluang membeli rumah pada usia mu-

da juga boleh mengurangkan tempoh perjanjian bayaran balik pinjaman perumahan sekali gus membebaskan pencarum daripada kontrak pinjaman lebih awal.

Kelebihan ini, sekiranya ditakdirkan umur yang panjang, boleh digunakan oleh pencarum untuk menghabiskan sisa-sisa kehidupan dalam tempoh bersara dengan lebih berkualiti dan jauh daripada belunggu hutang yang berpanjangan.

Namun, jangan pula mekanisme baru ini disalahgunakan dengan menambah saluran perbelanjaan baru, antaranya penggunaan kad kredit yang semakin menjadi budaya orang muda ketika ini.


Ambillah peluang yang ditawarkan oleh kerajaan ini untuk meningkatkan kualiti kehidupan termasuk melunaskan hutang-hutang wajib antaranya pinjaman pengajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Malaysia (PTPTN).

Bagaimanapun, sejauh mana mekanisme baru ini mampu memberi kelebihan kepada pencarum masih dibayangi beberapa sisi negatif yang memerlukan perhatian lebih terperinci daripada KWSP.

Paling membimbangkan sekiranya skim ini menerima nasib serupa seperti skim pengeluaran pembelian komputer yang pernah menimbulkan kontroversi sehingga terpaksa ditamatkan beberapa tahun lalu.

Istu pengeluaran caruman yang disalahgunakan dalam skim pembelian komputer itu biarpun dilihat agak sukar untuk berulang, namun masih menuntun ketelusan banyak pihak bagi menjayakannya.

Memang sukar untuk menjangkakan bagaimanakah bentuk 'pengkhianatan' yang mungkin boleh berlaku menerusi mekanisme baru ini tetapi sekiranya ia wujud, kesan yang perlu ditanggung oleh pencarum adalah sesuatu yang serius.



**KEPERLUAN** perumahan yang mendesak mendorong orang ramai mengeluarkan caruman hari tua untuk memiliki rumah sendiri.

— **Gambar hiasan**

Ini kerana pencarum terikat dengan kontrak pinjaman rumah yang sangat besar jumlahnya dan kegagalan membayar ansuran bulanan seperti yang ditetapkan boleh mencetus kepada kesan sosial yang lebih parah.

Mekanisme baru ini juga seperti yang diminta oleh beberapa pihak jangan terlalu diberikan kebebasan sehingga membolehkan ia digunakan sewenang-wenangnya dengan meminggirkan matlamat asal caruman iaitu untuk kesenangan hari tua.

Meskipun ia hanya membabitkan Akaun 2, namun jumlah caruman yang berbaki dalam akaun ini sewaktu bersara nanti amat besar maknanya dalam menyokong kepada pinjaman tidak terusik dalam Akaun 1.

Dengan peningkatan kos hidup termasuk perubahan yang pastinya semakin tinggi sebaik pencarum mencapai usia bersara nanti, setiap sen dalam Akaun 2 begitulah berharga apatah lagi dengan hakikat bahawa tiada manusia yang bertambah sihat ketika meniti hari tua.